

# **NOVEL ISLAMI: SATU ANALISIS TEKS TERHADAP *NIAN HATI SALSABILA* KARYA ZAHIRUDDIN ZABIDI**

**(ISLAMIC NOVEL: A TEXTUAL ANALYSIS OF *NIAN HATI  
SALSABILA* BY ZAHIRUDDIN ZABIDI)**

Nursuhada Md Arifin

Mohd. Zariat Abdul Rani

Kamariah Kamarudin

Muhd Zulkifli Ismail

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

## **Abstrak**

Kajian ini memfokuskan terhadap penerbitan novel-novel Islami oleh PTS Sdn. Bhd., sebuah syarikat penerbitan swasta yang berorientasikan Islam. Dengan orientasi sedemikian, PTS Sdn. Bhd. secara aktif menerbitkan novel-novel Islami dengan ciri-ciri yang tersendiri. Lebih penting apabila PTS Sdn. Bhd. turut menyediakan satu panduan penulisan novel PTS Sdn. Bhd. yang dinamakan sebagai “Teknik Surah Yusuf”. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis novel Islami terbitan PTS Sdn. Bhd., dan merumuskan kesejarahannya dengan “Teknik Surah Yusuf”. Kajian ini menganalisis novel *Nian Hati Salsabila* karya Zahiruddin Zabidi yang diterbitkan oleh PTS Sdn. Bhd. pada tahun 2011. Hasil analisis mendapati bahawa novel yang dikaji mengutarakan pengajaran-pengajaran yang memberikan kemenangan terhadap kebaikan, serta menggarap tema yang bertunjangkan prinsip “‘kebaikan’ melawan ‘kejahanatan’”. Novel yang dikaji juga menampilkan watak protagonis yang “ideal”, di samping menjadikan nama watak protagonisnya sebagai judul novel. Selain itu,

novel yang dikaji turut membina plot mudah yang bersifat kronologis, dengan jalan cerita yang merangkumi kisah kehidupan protagonis dari usia remaja hingga dewasa. Semua manifestasi ini didapati sejajar dengan antara ciri yang digariskan dalam “Teknik Surah Yusuf” yang menjadi panduan penulisan novel terbitan PTS Sdn. Bhd.

**Kata kunci:** Novel Islami, *Nian Hati Salsabila*, teknik surah Yusuf, PTS Sdn. Bhd.

### *Abstract*

*This study draws the attention towards the publication of Islamic novels by PTS Sdn. Bhd., an Islamic-oriented private publishing company. With such orientation, PTS Sdn. Bhd. has been actively publishing Islamic novels with its own distinctive attributes. Significantly, PTS Sdn. Bhd. has also significantly provided a guideline called “Technique of Surah Yusuf”. In this regard, this study aims to analyse the Islamic novels published by PTS Sdn. Bhd., and conclude its alignment with “Technique of Surah Yusuf”. Thus, this study analyses the novel of Nian Hati Salsabila by Zahiruddin Zabidi which published by PTS Sdn. Bhd. in 2011. The analysis found that the studied novel emphasises on the good teachings by delineates the principle of “good’ against ‘evil”. The novel also foregrounds the “ideal” protagonist while making the name of its protagonist as the title of the novel. Moreover, the novel also creates a simple chronological plot which covers the protagonist’s life from the adolescence until the adulthood. All these manifestations are aligning with the elements outlined by “Technique of Surah Yusuf” which has been the guideline for novels published by PTS Sdn. Bhd.*

**Keywords:** Islamic novel, *Nian Hati Salsabila*, technique of surah Yusuf, PTS Sdn. Bhd.

### Pengenalan

Pada pertengahan dekad 2000-an, sebuah novel berjudul *Ayat Ayat Cinta* (seterusnya AAC) hasil nukilan seorang novelis Indonesia, iaitu Habiburrahman El-Shirazy telah mendapat sambutan hebat daripada

pembaca awam sehingga dikatakan mencetuskan fenomenanya yang tersendiri. Sambutan hebat ini memberikan kesan yang signifikan terhadap kegiatan penerbitan novel popular bukan sahaja di Indonesia, tetapi juga di Malaysia. Dengan itu, AAC dianggap sebagai pencetus terhadap munculnya “fenomena novel popular Islami”, yang melanda Indonesia dan kemudiannya Malaysia pada sekitar pertengahan dekad 2000-an (Mohd. Zariat, 2012). Di Malaysia, sambutan terhadap novel AAC kemudianya dituruti oleh penerbitan beberapa novel tempatan seperti *Salju Sakinah* (2008) karya Zaid Akhtar dan *Warkah Cinta Berbau Syurga* (2008) karya A. Ubaidillah Alias. Novel *Salju Sakinah* menjadi sebuah novel “bestseller” kerana mencatatkan angka jualan sehingga 30,000 naskhah, iaitu satu jumlah yang dapat dianggap besar bagi pasaran tempatan. Kejayaan ini kemudiannya menyaksikan munculnya satu demi satu novel-novel cinta yang berunsurkan Islam atau sering disebut sebagai “novel Islami”, yang membanjiri pasaran Malaysia pada sepanjang akhir dekad 2000-an. Novel-novel Islami karya novelis-novelis Malaysia dikatakan memperagakan ciri-ciri luaran yang hampir sama seperti AAC, seperti penggunaan perkataan bahasa Arab pada judul novel serta ilustrasi kulit novel yang memaparkan imej-imej keislaman seperti gambar wanita memakai tudung kepala dan berniqab. Ternyata bahawa penghujung dekad 2000-an menyaksikan tercetus fenomena novel popular Islami di Malaysia (Mohd. Zariat, 2014).

Sehubungan dengan fenomena novel Islami di Malaysia, penting untuk diketengahkan ialah peranan yang dimainkan oleh PTS Sdn. Bhd. (seterusnya PTS). Sehubungan itu, bahagian ini akan menyediakan sorotan literatur berkaitan peranan yang dimainkan oleh PTS Sdn. Bhd. dalam menerbitkan novel Islami. PTS merupakan sebuah syarikat penerbitan swasta di Malaysia yang dipengerusikan oleh Puan Ainon Mohd. (seterusnya Ainon). Lebih penting dalam konteks perbincangan ini merupakan dasar perniagaan PTS yang secara rasmi diisyiharkan sebagai berorientasikan Islam atau sering diungkapkan oleh Ainon sebagai “Patuh Syariah” atau *Syariah Compliant* (PTS Sdn. Bhd., 2009). Dengan orientasi ini, PTS memperlihatkan kecenderungannya yang jelas terhadap Islam, termasuk memainkan peranan aktif dalam menerbitkan novel-novel

Islami sehingga mencetuskan “fenomena novel popular Islami” di Malaysia. Peranan ini dimanifestasikan melalui beberapa strategi serta inisiatif perniagaan PTS yang rata-rata bertitik tolak daripada kepekaan syarikat itu terhadap perubahan selera pembaca popular di Malaysia pada penghujung dekad 2000-an, iaitu daripada novel cinta kepada novel Islami. Perubahan ini memberikan petunjuk kepada PTS bahawa pada ketika itu terdapatnya permintaan terhadap novel Islami (Ainon, 11 Januari 2010; Ainon 1 Februari 2010). Kepekaan ini kemudiannya mendorong PTS untuk melancarkan beberapa strategi perniagaan antaranya membawa masuk novel-novel Islami Indonesia ke pasaran Malaysia (Ainon, 9 Disember 2008; Ainon, 23 Ogos 2010). Selain novel-novel Islami Indonesia, novel Islami PTS karya novelis tempatan seperti *Salju Sakinah* oleh Zaid Akhtar dan *Warkah Cinta Berbau Syurga* oleh A. Ubaidillah Alias mendapat sambutan daripada pembaca (Ainon, 17 November 2008; Ainon, 14 Januari 2010). Strategi ini menyakinkan PTS untuk menerbitkan secara aktif novel-novel Islami (Ainon, 30 Disember 2010). Lebih penting apabila penerbitan novel Islami menjadi satu projek yang dirancang secara sistematik, iaitu dengan prinsip serta strateginya yang jelas dan tersendiri. Umpamanya, PTS menetapkan prinsip penerbitan novel Islaminya sebagai “patuh-syariah” (*syariah-compliant*) (Ainon, 7 Jun 2007; Ainon, 2 Oktober 2010). Tidak kurang penting ialah strategi pemasaran PTS yang menonjolkan novel Islami terbitannya dengan ciri-ciri khas syarikat mereka seperti judul dan ilustrasi kulit novel (Ainon, 2 Oktober 2010; Ainon, 30 Disember 2010; Ainon, 16 Jun 2011). Hal ini rata-rata bagi membezakannya daripada novel-novel Islami terbitan syarikat-syarikat penerbitan lain. Dengan kata lain, “novel Islami PTS” menjadi satu produk dengan jenama tersendiri, hasil daripada strategi perniagaannya yang juga tersendiri. Strategi ini kemudiannya disokong dengan inisiatif tertentu terutamanya penganjuran siri bengkel penulisan novel oleh PTS (Ainon, 26 September 2009). Dalam konteks kajian ini, penting diberikan perhatian tentang inisiatif PTS dalam menyediakan satu garis panduan penulisan yang dinamakan sebagai “Teknik Surah Yusuf” (seterusnya TSY), yang dikonsepsikan oleh Ainon sendiri serta dijadikan sebagai panduan penulisan rasmi (disebut sebagai “mazhab rasmi”) novel Islami terbitan PTS (Ainon, 31 Januari 2006). Sesungguhnya, kehadiran TSY sebagai panduan

penulisan novel Islami PTS mengundang penelitian lanjut. Hal ini kerana TSY telah digunakan bagi melatih para penulis untuk menghasilkan novel Islami PTS.

### Permasalahan dan Objektif Kajian

Lanjutan daripada sorotan literatur di atas, adalah jelas bahawa novel Islami PTS merupakan antara produk penerbitan yang terhasil daripada TSY. Hal ini dengan sendirinya menimbulkan persoalan tentang sejauhmana novel Islami PTS memanifestasikan TSY? Bagi menjawab persoalan di atas, kajian ini memilih untuk menganalisis novel bertajuk *Nian Hati Salsabila* (seterusnya *NHS*) karya Zahiruddin Zabidi yang diterbitkan oleh PTS pada tahun 2011. Pemilihan *NHS* sebagai bahan kajian diasaskan pada beberapa pertimbangan. Pertama, kedudukan *NHS* sebagai sebuah novel terbitan PTS yang diterbitkan pada tahun 2011, iaitu tahun selepas PTS melancarkan penerbitan novel Islami mereka. Selain itu, 2011 juga merupakan tahun selepas TSY dijadikan sebagai panduan rasmi penulisan novel Islami PTS. Fakta ini dengan sendirinya mewajarkan *NHS* untuk dianalisis berdasarkan TSY. Kedua, kedudukan *NHS* yang sedia diperagakan sebagai sebuah novel Islami, sebagaimana yang dapat diamati secara jelas pada aspek-aspek luaran novel. Umpamanya, judul novel itu sendiri menghadirkan perkataan dalam bahasa Arab, iaitu “*salsabila*” yang disebut dalam Al-Quran Surah Al-Insan, Ayat 18 sebagai nama sebuah mata air/sungai di syurga (Ibn Kathir, 1998). Begitu juga ilustrasi kulit novel yang menonjolkan imej seorang wanita yang memakai jilbab berwarna hitam, iaitu satu cara pemakaian yang sinonim bagi wanita Islam yang menutup aurat. Selain itu, ialah imej yang melatari imej wanita Islam itu, khususnya imej bangunan dengan ciri seni bina yang lazim bagi sebuah masjid, memperkuatkan lagi nuansa-nuansa Islam pada kulit novel. Perkara yang lebih ketara ialah testimoni yang tercetak pada bahagian atas kulit novel, yang diberikan oleh Zaid Akhtar, iaitu penulis novel *Salju Sakinah* (2008), yang seperti dinyatakan di atas merupakan novel Islami PTS yang telah terlebih dahulu mendapat sambutan hebat. Dapat dikatakan bahawa reputasi Zaid Akhtar ini semakin memperkuatkan pemeragaan *NHS* sebagai sebuah novel Islami. Apatah lagi testimoni Zaid Akhtar

antaranya menganggap *NHS* sebagai manifestasi terhadap matlamat penulisan yang bersifat keislaman yang diungkapkannya, seperti berikut: "...tanggungjawab dalam menitipkan ilmu dan ibrah kepada pembaca tidak terasa diabaikan. *Nian Hati Salsabila* ini buktinya!" (Zahiruddin Zabidi, 2011: kulit belakang *NHS*). Demikian juga rangsang sari (*blurb*) yang tercetak pada kulit belakang novel yang memberikan sinopsis cerita *NHS*. Rangsang sari tersebut secara jelas mengaitkan cerita *NHS* dengan "dakwah", yang dijelaskan sebagai satu usaha untuk menyeru manusia ke jalan Allah SWT, sebagaimana yang dicatatkan: "Dakwah itu bermaksud mengajak. Dalam al-Quran ada menyebut supaya kita berdakwah atau mengajak manusia kembali pada ajaran Allah yang sebenar..." (Zahiruddin Zabidi, 2011: Kulit belakang *NHS*). Dengan pemeragaan kulit novel yang sedemikian, sukar untuk dinafikan bahawa *NHS* memang diperagakan oleh PTS sebagai sebuah novel Islami terbitan mereka. Pemeragaannya ini dengan sendirinya mewajarkan pemilihan *NHS* sebagai bahan kajian.

Dengan menjadikan novel karya Zahiruddin Zabidi itu sebagai bahan kajian, artikel ini menggariskan dua objektif kajian. Pertama, menganalisis novel *Nian Hati Salsabila* (*NHS*) berdasarkan "Teknik Surah Yusuf" (TSY). Kedua, merumuskan kesejajaran novel *NHS* dengan TSY yang menjadi panduan penulisan novel Islami PTS.

### **Metodologi Kajian: Analisis Teks Berdasarkan "Teknik Surah Yusuf"**

Sesuai dengan kedua-dua objektif kajian di atas, analisis ini memilih Pendekatan Analisis Teks (*Textual Analysis*). Pilihan ini diasaskan pada kesesuaian pendekatan ini dengan bahan kajian/analisis yang merupakan sebuah teks, iaitu novel *NHS* karya Zahiruddin Zabidi. Pendekatan Analisis Teks menuntut kepada penggunaan satu kerangka yang dapat diguna pakai untuk menganalisis teks yang dikaji. Analisis ini menjadikan TSY sebagai kerangka bagi menganalisis teks kajian. Sebagaimana yang dijelaskan di atas, *NHS* merupakan sebuah novel yang diterbitkan oleh PTS pada tahun 2011, iaitu tahun selepas syarikat itu melancarkan projek penerbitan novel Islami, dan tahun selepas TSY dijadikan sebagai panduan rasmi penulisan novel Islami

PTS. Hal ini bererti, pemilihan TSY sebagai kerangka analisis diasaskan pada justifikasi bahawa *NHS* merupakan sebuah novel yang terhasil daripada TSY, dan justeru wajar dianalisis berdasarkan TSY. Penting dicatatkan bahawa kehadiran TSY dalam kegiatan penulisan kreatif di Malaysia telah mendapat pelbagai reaksi termasuk dalam kalangan pengkritik dan pengkaji sastera. Antaranya ialah Mohd. Affandi Hassan yang menganggap bahawa TSY merupakan strategi perniagaan PTS Sdn. Bhd. yang bertujuan meningkatkan penjualan novel, sebagaimana katanya: "... [TSY] satu strategi jualan buku "novel popular Islami" (istilah ini lebih sebagai umpan daripada mencirikan karya itu sendiri) keluaran PTS. Syarikat ini amat bangga kerana telah menerbitkan berpuluhan buah (mungkin ratusan buah) novel jenis itu yang menurut mereka sangat laris di pasaran" (Mohd. Affandi Hassan, 2011). Selain itu ialah Mohd. Zariat Abdul Rani yang menjelaskan bahawa TSY telah menjadi panduan penulisan bagi para novelis untuk menerbitkan novel dengan PTS Sdn. Bhd., sebagaimana katanya, "...para penulis PTS Sdn. Bhd. memang diajar dan dilatih untuk menerapkan 'Teknik Surah Yusuf' dalam penulisan novel-novel yang diterbitkan oleh syarikatnya [Ainon Mohd.]" (Mohd. Zariat, 2013). Seperti yang telah dinyatakan, TSY merupakan satu panduan rasmi penulisan novel Islami PTS yang dikonsepsikan oleh Ainon. Dengan kedudukan itu, perbincangan mengenai TSY akan diasaskan pada tulisan-tulisan Ainon yang terlebih dahulu terbit dalam laman web rasmi PTS berjudul "Universiti Terbuka PTS" yang dapat ditelusuri melalui capaian berikut:- <http://www.universitipts.com>. Tulisan-tulisan ini kemudiannya dikompilasikan serta diterbitkan oleh PTS dalam sebuah buku berjudul *Teknik Surah Yusuf: Panduan Menulis Novel* (2011) (Ainon, 19 Jun 2010). Dalam buku ini, TSY juga dirujuk sebagai "Teori Surah Yusuf". Terdapat dua pemahaman penting yang perlu dijelaskan mengenai TSY. Pertama, pengkonsepsian TSY yang diasaskan pada Surah Yusuf dalam Al-Quran, sebagaimana yang ditegaskan oleh Ainon: "Teori surah Yusuf [TSY] adalah satu usaha bagi mengemukakan model ideal karya sastera yang indah berdasarkan nas-nas yang terdapat dalam surah Yusuf" (Ainon, 2011: ix). Hal ini dengan sendirinya menjelaskan hakikat bahawa TSY dianggap berorientasikan Islam, iaitu sesuatu yang dapat dianggap seiring dengan dasar perniagaan PTS yang diisyiharkan sebagai

“Patuh Syariah”. Kedudukan TSY sebagai satu teknik penulisan novel yang bersifat praktikal, dalam erti kata TSY menyediakan “kemahiran” (bukan “teori”) untuk menulis novel, sebagaimana yang dinyatakan oleh Ainon sendiri: “Di sini letaknya salah satu keistimewaan teori surah Yusuf [merujuk TSY] kerana dengan mengkaji surah [Yusuf] ini dapat menggali prinsip-prinsip dan teknik-teknik yang praktikal kegunaannya dalam proses menghasilkan novel yang indah” (Ainon, 2011: 35). Kenyataan Ainon ini sekali gus menjelaskan tentang sifat TSY yang berupa sebuah “manual” (atau “panduan”) penulisan yang menggariskan ciri-ciri tertentu (yang dikatakan diasaskan pada Surah Yusuf dalam al-Quran) yang boleh diaplikasi secara praktis dalam penulisan novel. Dalam hal ini, perlu dijelaskan bahawa TSY menggariskan sejumlah ciri tertentu untuk diaplikasi. Akan tetapi, disebabkan oleh skop kajian serta ruang yang terbatas, artikel ini hanya menggariskan beberapa ciri yang relevan dengan fokus perbincangan. Dengan kata lain, tidak semua ciri TSY akan dibincangkan dalam ruangan artikel yang terbatas ini.

Pada tahap konseptual, dapat dikatakan bahawa TSY berpusat pada apa yang diungkapkan sebagai “cerita yang indah”, yang didasarkan oleh Ainon pada kisah Nabi Yusuf a.s. dan kisah-kisah lain yang terkandung al-Quran (Ainon, 2011, p.39-41). Berdasarkan pemahaman itu, beberapa ciri dilakarkan untuk dipraktiskan dalam penulisan novel. Pertama, cerita mengandungi banyak pengajaran, yang rata-rata bertunjangkan prinsip “memberikan kemenangan terhadap kebaikan” (Ainon, 2011, p. 41). Merujuk kepada prinsip di atas, TSY turut melakarkan apa yang dikonsepsikannya sebagai “kemenangan yang indah”, iaitu kesudahan cerita yang memberikan kemenangan moral kepada watak-watak baik, manakala watak-watak jahat pula “ditewaskan” dengan cara mengembalikannya pada jalan yang benar (disebut sebagai “akhirnya insaf dan menjadi baik”). Selain itu, kejahatan tidak “dibela” antaranya dengan justifikasi tertentu yang dapat mewajarkan perbuatan jahat itu (Ainon, 2011, p.53-56). Seiring dengan itu, TSY menggariskan bahawa “cerita yang indah” menggarap tema yang bertunjangkan prinsip “‘kebaikan’ melawan ‘kejahanan’ ” (ungkapan Ainon sendiri) (Ainon, 2011, p.82).

Kedua, aspek watak yang merujuk kepada tokoh-tokoh yang ditampilkan dalam cerita. Merujuk kepada aspek tersebut, “cerita yang indah” menurut TSY diterajui oleh watak utama yang bersifat “ideal” (ungkapan Ainon sendiri). Dapat dikatakan bahawa “ideal” di sini merujuk kepada sifat-sifat yang dapat dianggap baik dan berakhlak. Hal ini bererti, watak-watak jahat atau tidak bermoral, atau lemah keperibadian, tidak menjadi tokoh yang menerajui cerita (Ainon, 2011: 39-40 & 108-110). Tidak kurang penting apabila TSY turut mengenal pasti lelaki sebagai ciri watak protagonis yang ideal (Ainon, 2011, p.108-110). Namun, ini tidak pula bererti watak-watak perempuan dikesampingkan sama sekali. Sebaliknya TSY turut menggariskan beberapa ciri watak perempuan yang boleh ditampilkan dalam cerita, antaranya “gadis yang sangat suci” (Ainon, 2011: 122-125). Tidak kurang penting ialah nama watak protagonis dijadikan sebagai judul novel. Dalam hal ini, nama watak yang dianggap sesuai untuk dijadikan judul antaranya ialah nama yang tidak panjang, mudah disebut serta diingati, tidak bersifat kedaerahan, dan mengandungi konotasi yang negatif (Ainon, 2011, p.120-121).

Ketiga, aspek plot yang merujuk kepada jalinan peristiwa dalam sesebuah cerita. Dalam hal ini, TSY melakarkan beberapa ciri plot yang baik (Ainon, 2011, p.42-48). Antaranya ialah plot yang mudah, iaitu bersifat kronologikal yang menyusun peristiwa-peristiwa berdasarkan urutan dari awal hingga ke akhir cerita. Berdasarkan pemahamannya, Ainon menjelaskan bahawa Surah Yusuf menghubungkan bahagian akhir dengan bahagian permulaan cerita (Ainon, 2011, p. 44-48). Dengan kata lain, kesudahan cerita sekali gus meleraikan hal yang dibangkitkan pada awal cerita. Termasuk dalam aspek plot ini ialah cakupan cerita yang merangkumi jalan cerita serta tempoh cerita yang panjang, seperti kisah kehidupan tokoh dari kecil hingga dewasa (Ainon, 2011, p. 39-41).

Berdasarkan perbincangan di atas, analisis terhadap teks yang dikaji akan dilakukan berdasarkan tiga ciri yang telah dikenal pasti, iaitu aspek tema dan pengajaran, aspek watak dan perwatakan, dan aspek plot novel *NHS*, yang kesemuanya dinilai berdasarkan tiga ciri-ciri yang digariskan TSY itu, seperti yang dibincangkan di atas.

## Analisis Novel *Nian Hati Salsabila*

*NHS* mengisahkan tentang impian seorang gadis remaja bernama Naurah Salsabila (seterusnya Salsabila) yang sejak remaja cenderung terhadap ilmu serta menanam cita-cita untuk menyumbang bakti kepada masyarakat apabila dewasa kelak. Setelah tamat persekolahan, dia diceritakan merealisasikan cita-citanya itu dengan melaksanakan dakwah, iaitu menyeru masyarakat ke jalan yang direndai Allah SWT. Dalam melaksanakan dakwah Islamiah ini, Salsabila diceritakan menghadapi pelbagai ujian serta cabaran.

### i) Aspek Tema dan Pengajaran

Analisis ini mendapati bahawa *NHS* menggarap tema dakwah Islamiah. Garapan tema ini jelas apabila novel menghadirkan cerita-cerita yang secara keseluruhannya berpusat pada usaha Salsabila dalam menyeru masyarakat ke jalan yang direndai Allah SWT. Antaranya cerita tentang kecenderungan Salsabila terhadap ilmu. Sejak kecil dia diceritakan cenderung terhadap ilmu terutamanya berkaitan agama Islam. Kecenderungan ini jelas apabila dia diceritakan gemar mengikuti usrah dan majlis ilmu. Salsabila menganggap menuntut ilmu sebagai satu tuntutan yang penting dalam kehidupan dunia dan akhirat. Melalui usrah dan majlis ilmu yang disertainya, Salsabila diceritakan mendapat ramai sahabat, yang antaranya merupakan graduan dalam bidang pengajian Islam. Dia juga diceritakan tidak malu bertanya sahabat-sahabatnya seperti Adawiyah, Habibah dan Nadirah yang dianggapnya mempunyai pengetahuan yang lebih dalam bidang agama. Salsabila turut membantu rakan sekertanya, Joseph yang berminat untuk mendalami Islam. Dia diceritakan berusaha menjawab kemusykilan Joseph mengenai Islam sehingga Joseph yakin dan akhirnya memeluk agama Islam. Begitu juga cerita tentang penglibatan Salsabila dalam pertubuhan Akhawat Lembah Pantai, iaitu sebuah pertubuhan dakwah remaja khususnya untuk wanita. Melalui Akhawat Lembah Pantai, Salsabila diceritakan aktif menangani masalah sosial di kawasan kejiranannya itu. Antaranya, masalah yang dihadapi oleh Mak Cik Zah kerana anak gadisnya, Nora terjebak dengan gejala sosial. Salsabila diceritakan berusaha memberikan kesedaran kepada Nora sehingga gadis itu akhirnya sedar

serta menyesal atas kesilapannya dan berubah. Salsabila turut mengusahakan Nora menyertai sekolah pemulihan akhlak sebagai persediaan untuk dia menghadapi cabaran hidup seterusnya. Dapat dikatakan bahawa cerita berpusatkan pada usaha-usaha Salsabila menyeru masyarakat ke jalan yang diredai Allah SWT. Tidak kurang penting ialah kesudahan cerita yang memberikan kemenangan moral terhadap usaha-usaha dakwah Islamiah yang dilaksanakannya itu. Dalam konteks ini, analisis ini mendapati bahawa novel *NHS* menggarap tema dakwah Islamiah. Petikan di bawah antaranya dapat menggambarkan penglibatan Salsabila dalam kegiatan dakwah Islamiah.

Bahagia, mereka sangat bahagia. ‘Alangkah beruntungnya mereka yang sudah lama mengikuti usrah di sini. Dengan topik dan ilmu yang dibincangkan selain *naqibah* yang profesional, lengkap bagi membangunkan sebuah gagasan tarbiah yang mampu merempuh masyarakat dengan mesej dakwah yang jelas,’ getus Naurah dalam hati. Dia [merujuk kepada Naurah Salsabila] dan Habibah berpandangan. Masing-masing tersenyum puas, seakan nada kalbu mereka sama. Nikmat dan manis akan ilmu yang kedapatan di sini. Sesi ketiga diteruskan dengan perbincangan isu semasa yang melihat kepada perbincangan yang lebih hangat. Naurah dan Habibah mencatat sehingga berkajang-kajang. Adawiyah dan Nadirah yang duduk bersila sedikit di hadapan mereka juga sama. Usrah perdana tamat jam 11.30 malam itu. Dua jam setengah yang cukup memberikan erti kepada Muslimah yang hadir khususnya kepada dua manikam yang berpotensi dalam gerakan, Naurah dan Habibah. Mereka seakan-akan mendapat motivasi dan semangat yang lebih gebu bagi menetapkan matlamat mereka dalam dakwah kelak.

(Zahiruddin, 2011, p. 121-122)

Analisis ini mendapati bahawa garapan tema di atas, memungkinkan novel untuk mengutarakan beberapa pengajaran. Antaranya, soal pentingnya ilmu dalam kehidupan manusia. Pengajaran ini terkandung dalam cerita tentang kecintaan Salsabila terhadap ilmu.

Sejak kecil hingga dewasa, dia diceritakan cenderung terhadap ilmu terutamanya berkaitan agama Islam. Novel secara jelas memperakukan hal tersebut apabila dengan ilmu, Salsabila diceritakan menanam cita-cita untuk menyumbangkan bakti kepada masyarakat. Novel menceritakan bagaimana setelah bekerja sebagai jururawat, Salsabila tetap meneruskan usahanya untuk menambah ilmu dengan menyertai usrah dan majlis ilmu. Dia juga menjalinkan persahabatan dengan sahabat-sahabatnya yang berilmu. Dengan ilmu yang ada, Salsabila diceritakan mampu melaksanakan tugasnya sebagai jururawat dengan amanah. Dengan ilmu juga Salsabila dapat menyumbangkan bakti kepada masyarakat khususnya mengajak orang di sekelilingnya ke jalan Allah SWT. Adalah jelas bahawa dengan ilmu, Salsabila mampu hidup sebagai seorang insan yang berguna bukan sahaja buat dirinya sendiri, tetapi juga orang lain. Hal ini dengan sendirinya mengejapkan pengajaran tentang pentingnya ilmu dalam kehidupan manusia.

Selain itu, manusia haruslah mempunyai akhlak yang baik. Pengajaran ini terkandung dalam cerita-cerita tentang Salsabila yang merupakan seorang gadis yang baik. Sejak kecil, dia diceritakan cenderung terhadap ilmu terutamanya ilmu agama, dan sentiasa berusaha memperbaiki kelemahan dirinya. Dia diceritakan akrab dengan Ustazah Humairah yang dijadikannya sebagai ikutan yang baik. Melalui Ustazah Humairah, Salsabila diceritakan banyak mempelajari ilmu untuk dimanfaatkan dalam kehidupan. Selain itu, Salsabila juga seorang anak yang taat kepada ibu bapanya. Dia sentiasa berusaha melaksanakan tanggungjawab kepada ibu bapanya termasuk menunjukkan contoh yang baik untuk diteladani oleh adik-adiknya. Lebih penting apabila Salsabila diceritakan sentiasa taat dengan perintah Allah SWT seperti menuaikan solat dan memelihara auratnya sebagai seorang wanita Islam. Tidak kurang penting ialah citacitanya untuk menyeru masyarakat ke jalan yang direhui Allah SWT, yang sekali gus memamerkan akhlaknya yang baik. Dengan kebaikan akhlaknya, Salsabila diceritakan mampu menangani cabaran yang merintangi usaha-usaha dakwah Islamiahnya. Hal ini dengan sendirinya mengejapkan pengajaran tentang pentingnya kebaikan akhlak yang terkandung dalam *NHS*.

Selain itu, terdapat juga soal pentingnya kesungguhan dalam menyampaikan dakwah Islamiah. Pengajaran ini terkandung dalam cerita-cerita tentang kesungguhan Salsabila menyeru orang di sekelilingnya ke jalan Allah SWT. Umpamanya, Salsabila diceritakan bersungguh-sungguh melayani kemasukkilan rakan sekeryanya, Joseph terhadap Islam, termasuk meminta bantuan sahabatnya yang berilmu seperti Adawiyah untuk membantu menjelaskan kemasukkilan Joseph. Salsabila juga diceritakan bersungguh-sungguh menyelamatkan Nora yang terjebak dengan gejala sosial. Kesungguhan Salsabilah jelas ketika dia menyelamatkan Nora daripada kumpulan remaja nakal. Adalah jelas daripada cerita-cerita itu bahawa pelbagai cabaran yang perlu dihadapi untuk menyeru masyarakat ke jalan yang direndai Allah SWT. Justeru, kesungguhan merupakan sifat yang perlu ada pada diri individu yang menjalankan dakwah Islamiah. Hal ini dengan sendirinya mengejarkan pengajaran tentang peri pentingnya kesungguhan dalam menyampaikan dakwah Islamiah. Petikan di bawah antaranya dapat menggambarkan pengajaran tentang pentingnya kesungguhan dalam menyampaikan dakwah Islamiah yang terkandung dalam *NHS*.

“Berjiwa dan bercita-cita besar adalah satu sifat yang baik. Siapa kata kamu tidak boleh memasang cita-cita mahupun impian. Ia adalah hak kita yang Allah kurniakan, namun iringilah ia dengan usaha yang jitu yang bersungguh-sungguh sehingga berjaya.” Satu suntikan motivasi dihadiahkan kepada Naurah... Tetapi ada satu perkara yang saya mahu kongsikan dengan awak. Ia juga berkaitan dengan dakwah. Ustaz saya [saya merujuk kepada Ustazah Humairah] pesan kepada saya dan mahu pesan kepada awak. Jika awak [awak merujuk kepada Naurah Salsabila] berpegang kepadanya, *insya-Allah* ke langit mana pun yang dijunjung, ke tanah mana pun dipijak, segalanya akan menjadi ringan.” Sekali lagi, raut wajah Ustazah Humairah berubah serius. “*Insya-Allah*, terima kasih ustazah.” Jujur Naurah menyampaikan kasih kepada ustazahnya

(Zahiruddin, 2011, p. 55-58)

## ii) Aspek Watak dan Perwatakan

Seterusnya, analisis ini beralih kepada aspek watak dan perwatakan, khususnya watak protagonis yang menerajui cerita. Analisis ini mendapati bahawa cerita dalam *NHS* menampilkan Salsabila sebagai watak protagonis. Kedudukan ini jelas apabila nama watak protagonis itu dijadikan sebagai judul novel. Sebagaimana yang telah dinyatakan di atas, perkataan “*salsabila*” dinyatakan dalam al-Quran Surah Al-Insan, Ayat 18 sebagai nama bagi sebuah mata air/sungai di syurga (Ibn Kathir, 1998). Dengan pengertian sedemikian, dapat dikatakan bahawa perkataan “*salsabila*” mengandungi pengertiannya yang baik menurut Islam. Dalam *NHS*, “*salsabila*” merupakan nama bagi watak seorang gadis yang bercita-cita untuk menyampaikan dakwah Islamiah. Hakikat bahawa nama watak tersebut dijadikan sebagai judul novel, menjelaskan kedudukannya sebagai watak protagonis. Apatah lagi perkataan “*salsabila*” itu digandingkan dengan dua perkataan iaitu “nian” dan “hati”, lantas membentuk judul novel “nian hati Salsabila”. Menurut *Kamus Dewan* (2016: 1080), perkataan “nian” bermaksud “terlalu sangat/sungguh/amat”, dan gabungannya dengan perkataan “hati” (“nian hati”) dapat membawa maksud “kesungguhan hati”, yang secara khususnya dapat merujuk kepada “kesungguhan hati Salsabila”, iaitu protagonis yang menerajui cerita. Berdasarkan hasil analisis di atas, dapat dikatakan bahawa judul novel yang sedemikian dapat menggambarkan kesungguhan hati Salsabila dalam melaksanakan dakwah Islamiah. Analisis terhadap aspek plot akan menjelaskan tentang keseluruhan novel yang berpusat pada cerita kehidupan watak Salsabila. Pada tahap ini, memadai dikatakan bahawa Salsabila merupakan watak protagonis yang menerajui cerita dalam *NHS*.

Dari segi fizikal, analisis ini mendapati bahawa watak Salsabila ditampilkan sebagai seorang wanita Melayu yang sentiasa memelihara penampilannya sebagai seorang wanita Islam. Dia diceritakan memakai tudung kepala dan berpakaian menutup aurat, termasuk ketika menjalankan tugasnya sebagai seorang jururawat. Gambaran tentang penampilan fizikal Salsabila yang sedemikian antaranya dapat diamati dalam petikan di bawah ini:

Tampang gadis Melayu pujaannya kelihatan, sebagaimana biasa. Ayu dan manis bertudung kain nombor satu bersaiz besar, berwarna putih berbunga sulam timbul berwarna merah jambu. Baju T-Muslimah yang labuh menyerlahkan sopan di samping seluar kakis longgar yang dikenakan tidak langsung menyerlahkan postur tubuh badannya.

(Zahiruddin, 2011, p.48)

Dari segi perwatakannya pula, analisis ini mendapati bahawa Salsabilah ditampilkan sebagai watak protagonis yang berakhlak. Keperibadian ini terserlah apabila dia sejak usia remajanya lagi merupakan seorang gadis yang taat dengan perintah Allah SWT. Dari segi cara pemakaian, Salsabila diceritakan sentiasa memelihara auratnya, antaranya seperti memakai tudung kepala, yang merupakan satu tuntutan bagi seorang perempuan Islam. Dia juga diceritakan taat dalam mengerjakan solat lima waktu yang menjadi kewajiban bagi setiap orang Islam. Sesunggunya, perwatakan Salsabila yang sedemikian dianggap mencerminkan hubungannya yang baik dengan Allah SWT, serta sesama manusia. Selain itu, novel juga menceritakan bahawa watak Salsabila mempunyai ciri-ciri seorang anak yang soleh. Dia diceritakan tidak pernah menimbulkan masalah serta mengecewakan ibu bapanya, selain sentiasa membantu ibu bapanya dalam menguruskan keluarga. Dia sentiasa berusaha menampilkan akhlak serta keperibadian yang baik supaya dapat dicontohi oleh adik-adiknya. Salsabila juga sangat menghormati serta merujuk guru-gurunya apabila mempunyai sebarang kemusykilan. Setelah dewasa, Salsabila tetap mempamerkan akhlaknya yang baik. Dia kekal sebagai seorang wanita solehah yang sentiasa taat melaksanakan perintah Allah SWT. Salsabila diceritakan bersikap ikhlas dalam menjalankan tugasnya sebagai seorang jururawat. Salsabila tidak pernah mengeluh dengan kesibukan tugasnya atau menyesal kerana memilih kerjaya sebagai jururawat. Dia diperlihatkan sentiasa berusaha memelihara hubungan yang baik dengan sesama insan. Salsabila diceritakan tidak hanya mementingkan dirinya sendiri, sebaliknya sentiasa bersedia membantu mereka yang memerlukan pertolongan. Sifat sedemikian ini antaranya terserlah pada cerita Salsabila berusaha membantu Joseph untuk memahami Islam. Selain itu, ialah cerita bagaimana dia berusaha membantu Nora, seorang gadis yang terjebak dalam gejala sosial.

Cerita-cerita di atas dengan jelas menampilkan Salsabila sebagai watak protagonis yang berakhlak.

Selain itu, analisis ini juga mendapati bahawa Salsabila antara tampil sebagai watak protagonis yang pintar. Kepintaran ini terserlah apabila cerita memperlihatkan bagaimana dia semenjak di bangku sekolah menunjukkan minat yang begitu mendalam terhadap ilmu. Salsabila diceritakan sentiasa merujuk Ustazah Humairah apabila dia mempunyai kemesyikilan tentang ilmu terutamanya berkaitan agama Islam. Malah, soalan-soalan yang dikemukakannya itu juga memperlihatkan dirinya sebagai seorang yang pintar. Kepintaran ini semakin jelas apabila dia dapat memahami dengan jelas tentang matlamat kehidupan manusia yang sebenar menurut pandangan agamanya. Dengan pemahamannya itu, Salsabila menanam cita-cita untuk melaksanakan dakwah Islamiah, yang merupakan satu niat yang murni di sisi agamanya. Salsabila juga diperlihatkan pintar memilih sahabat apabila dia menjadikan soal ilmu sebagai pertimbangan. Dengan sahabat-sahabatnya yang berilmu, Salsabila diceritakan melibatkan diri secara aktif dalam kegiatan yang berfaedah seperti usrah dan majlis ilmu. Selain itu, dia turut terlibat dalam kegiatan kemasyarakatan yang membolehkannya membantu menyelesaikan masalah sosial di sekelilingnya. Dengan kepintarannya itu, Salsabila diceritakan dapat menangani cabaran-cabaran yang dihadapi sepanjang melaksanakan dakwah Islamiahnya.

### iii) Aspek Plot

Seterusnya, analisis ini beralih kepada aspek plot. Bacaan awal mendapati bahawa plot *NHS* bersifat kronologis kerana disusun mengikut urutan yang dimulakan dengan bahagian permulaan, bahagian perkembangan, dan seterusnya bahagian kemuncak serta peleraian. Merujuk kepada bahagian permulaan, plot *NHS* diisi dengan cerita tentang Salsabila yang pada ketika itu berusia 15 tahun, mengikut keluarganya berpindah ke Cameron Highlands kerana ibu bapanya bertukar tempat kerja. Bahagian ini diisi dengan cerita-cerita tentang keterujaan Salsabila serta adik-adiknya terhadap tempat tinggal dan sekolah baharu mereka, selain sahabat-sahabat baharu yang akan mereka kenali. Seterusnya, bahagian ini diisi tentang cerita-cerita


tentang pengalaman Salsabila di sekolah baharunya, terutamanya perkenalan Salsabila dengan Ustazah Humairah yang mengajar mata pelajaran pendidikan Islam. Dalam bahagian ini juga, plot diisi dengan cerita-cerita tentang keperibadian Ustazah Humairah yang mencetuskan inspirasi sehingga Salsabila menanam cita-cita untuk menyumbang baktinya ke jalan yang diredhai Allah SWT. Analisis ini mendapati bahawa bahagian permulaan plot *NHS* diperuntukkan bagi mengejapkan soal cita-cita protagonisnya untuk melaksanakan dakwah Islamiah. Justeru, bahagian permulaan plot banyak diisi dengan cerita-cerita tentang dakwah Islamiah yang dilakukan oleh Salsabila.

Seterusnya, plot *NHS* dimajukan ke bahagian perkembangan yang diisi dengan cerita-cerita tentang kehidupan Salsabila selepas tamat persekolahan, dan kemudiannya bekerja sebagai seorang jururawat di Pusat Perubatan Universiti Malaya. Antaranya, cerita tentang kesungguhan Salsabila untuk melaksanakan dakwah Islamiah termasuk melibatkan diri dengan kegiatan ilmu sebagai persiapan untuk berdakwah. Dalam bahagian ini juga, plot diisi dengan cerita-cerita tentang persahabatan Salsabila dengan Adawiyah yang mendekatkan lagi diri protagonis itu dengan Islam. Bahagian ini turut diisi dengan cerita-cerita tentang usaha Salsabila membantu Joseph dalam memahami ajaran Islam termasuk meminta bantuan sahabat-sahabatnya yang berilmu. Selain itu, cerita-cerita tentang penglibatan Salsabila dalam Akhwat Lembah Pantai termasuk usahanya dalam menyelamatkan Nora daripada gejala sosial. Analisis ini mendapati bahawa plot dalam bahagian perkembangan ini diperuntukkan dengan cerita-cerita tentang usaha protagonis merealisasikan dakwah Islamiah yang merupakan cita-citanya. Kehadiran cerita-cerita yang mengisi bahagian ini sekali gus membolehkan plot novel berkembang.

Seterusnya, plot *NHS* menuju ke bahagian kemuncak serta peleraian apabila diisi dengan cerita-cerita yang memaklumkan kesudahan bagi usaha-usaha dakwah Islamiah oleh protagonis. Merujuk kepada usaha protagonis membantu Joseph, plot dalam bahagian ini diisi dengan cerita tentang pemahaman Joseph yang semakin jelas terhadap Islam sehingga mencetuskan persoalan apakah dia akhirnya akan memeluk Islam. Cerita berakhir dengan keputusan Joseph yang yakin untuk memeluk Islam, dan kesudahan cerita ini dengan

sendirinya meleraikan persoalan tersebut. Merujuk kepada usaha Salsabila menyelamatkan Nora pula, plot dalam bahagian ini diisi dengan cerita tentang tindakan nekad Salsabila menyelamatkan Nora termasuk berdepan dengan kumpulan remaja yang nakal. Cerita ini mencetuskan persoalan apakah protagonis mampu menyelamatkan gadis itu. Cerita berakhir dengan keinsafan Nora atas kesilapannya serta usahanya memperbaiki diri, yang sekali gus meleraikan persoalan tersebut. Analisis ini mendapati bahawa plot dalam bahagian kemuncak serta peleraian ini diperuntukkan dengan cerita-cerita tentang kejayaan protagonis dalam usaha-usaha dakwah Islamiahnya. Penting ditekankan bahawa cita-cita tersebut menjadi tema yang dikejaskan dalam bahagian permulaan plot, sebagaimana yang telah dijelaskan lebih awal. Ini bererti, plot *NHS* telah menghubungkan bahagian akhir dengan bahagian permulaan cerita. Dengan kata lain, kesudahan cerita sekali gus meleraikan hal yang dibangkitkan pada awal cerita. Selain itu, analisis aspek plot ini turut menjelaskan tentang jalan cerita serta tempoh cerita *NHS* yang agak panjang, kerana merangkumi kisah kehidupan protagonisnya dari usia remaja hingga dewasa.

Bagi menjelaskan pergerakan serta perincian bagi tiga bahagian plot iaitu Bahagian Permulaan Cerita, Bahagian Perkembangan Cerita, dan Bahagian Kemuncak dan Peleraian Cerita, berikut merupakan carta aliran plot *NHS*.



## Rumusan

Analisis terhadap tiga aspek novel *NHS*, iaitu aspek tema dan pengajaran, aspek watak dan perwatakan, dan aspek plot, berhasil menemui beberapa dapatan penting. Pertama, *NHS* mengutarakan tiga pengajaran, iaitu pentingnya ilmu dalam kehidupan manusia, penting manusia mempunyai akhlak yang baik, dan pentingnya kesungguhan dalam menyampaikan dakwah Islamiah. Terkandungnya pengajaran-pengajaran di atas dimungkinkan dengan garapan dakwah Islamiah sebagai tema yang menunjang cerita. Kedua, watak Salsabila merupakan protagonis yang menerajui cerita, dan hal ini sekali gus menjelaskan soal penggunaan namanya sebagai judul novel. Secara fizikal, watak protagonis ini didapati tampil sebagai wanita Islam yang baik dan pintar, serta sentiasa memelihara auratnya. Ketiga, plot *NHS* yang bersifat kronologis, dengan bahagian permulaan diperuntukkan bagi mengejapkan soal cita-cita protagonis untuk melaksanakan dakwah Islamiah. Ini diikuti bahagian perkembangan yang diperuntukkan bagi menceritakan usaha-usaha protagonis dalam merealisasikan cita-citanya itu. Terakhir ialah bahagian kemuncak serta peleraian yang diperuntukkan bagi menceritakan tentang kejayaan protagonis merealisasikan cita-cita tersebut. Sehubungan itu, analisis juga mendapati plot *NHS* menghubungkan bahagian akhir dengan bahagian permulaan cerita. Selain itu ialah jalan cerita serta tempoh cerita *NHS* yang didapati agak panjang, kerana merangkumi kisah kehidupan Salsabila dari remaja hingga dewasa.

Sebagaimana yang telah dibincangkan, TSY yang diterapkan sebagai kerangka analisis melakarkan beberapa ciri penting. Pertama, cerita mengandungi banyak pengajaran yang bertunjangkan prinsip “memberikan kemenangan terhadap kebaikan”. Merujuk kepada ciri ini, dapat dikatakan bahawa tiga pengajaran yang didapati terkandung dalam *NHS* merupakan mesej-mesej yang memberikan kemenangan terhadap hal-hal kebaikan seperti ilmu, akhlak yang baik dan kesungguhan dalam berdakwah. Sebagaimana yang telah dijelaskan di atas, pengajaran-pengajaran yang baik ini dimungkinkan dengan garapan dakwah Islamiah sebagai tema cerita. Dalam hal ini, TSY menekankan garapan tema “‘kebaikan’ melawan ‘kejahanan’ ”. Dapat dikatakan bahawa kesudahan cerita *NHS* yang memberikan

kemenangan moral terhadap usaha-usaha dakwah Islamiah oleh protagonisnya, seiring dengan ciri tema “ ‘kebaikan’ melawan ‘kejahatan’ ” yang digariskan itu.

Kedua, watak utama yang bersifat “ideal”, dan bukan watak-watak jahat, tidak bermoral, atau lemah keperibadian. Merujuk kepada ciri ini, *NHS* menampilkan watak protagonisnya yang “ideal” apabila Salsabila didapati tampil sebagai watak wanita yang sentiasa memelihara auratnya, berakhhlak dan pintar. Tidak kurang menarik ialah soal lelaki sebagai ciri watak protagonis yang ideal menurut TSY yang jelas tidak dipenuhi oleh *NHS* yang sebaliknya menampilkan wanita sebagai watak protagonisnya. Meskipun begitu, TSY ada menggariskan beberapa ciri watak perempuan yang boleh ditampilkan dalam cerita, antaranya “gadis yang sangat suci”. Ciri ini dapat dianggap sejajar dengan penampilan watak protagonis *NHS* yang berakhhlak. Begitu juga saranan TSY tentang pemanfaatan nama protagonis, iaitu “Salsabila” sebagai judul novel yang jelas dituruti oleh *NHS*. Perkataan “salsabila” yang merujuk nama mata air atau sungai dalam syurga (sebagaimana dijelaskan dalam Al-Quran Surah Al-Insan, Ayat 18) juga didapati tidak bersifat kedaerahan atau mengandungi konotasi yang negatif, dan justeru juga seiring dengan saranan TSY.

Ketiga, plot yang mudah, iaitu bersifat kronologis. Ciri ini jelas dituruti oleh *NHS* yang juga bersifat kronologis, dengan bahagian permulaan, bahagian perkembangan, dan bahagian kemuncak serta peleraian yang kesemuanya diperuntukkan bagi mengejapkan tema dakwah Islamiah. Selain itu ialah struktur plot *NHS* yang menghubungkan bahagian akhir dengan bahagian permulaan cerita, yang jelas seiring dengan saranan TSY. Tidak ketinggalan ialah jalan cerita serta tempoh cerita *NHS* yang agak panjang, kerana merangkumi kisah kehidupan Salsabila dari remaja hingga dewasa. Cakupan cerita yang sedemikian juga sejajar dengan TSY yang menggariskan jalan cerita serta tempoh cerita yang panjang sebagai ciri “cerita yang indah”. Penemuan-penemuan ini dengan sendirinya menjawab persoalan yang dibangkitkan pada awal kajian, iaitu sejauh mana novel Islami PTS akur atau menuruti TSY yang dijadikan sebagai “panduan rasmi” penulisan novel Islami PTS.

## Bibliografi

- Ainon Mohd. (2006). "Surah Yusuf mazhab rasmi PTS". *Universiti terbuka PTS*, 31 Januari. Retrieved on 9 June 2018 from [http://universitipts.com/index.php/surah\\_yusuf\\_mazhab\\_rasmi\\_pts/](http://universitipts.com/index.php/surah_yusuf_mazhab_rasmi_pts/).
- Ainon Mohd. (2007). "Tema novel-novel cinta PTS: kesucian 'is ini', kebernodaan 'is out'". *Universiti terbuka PTS*, 7 Jun. Retrieved on 9 June 2018 from [http://universitipts.com/index.php/tema\\_novel\\_novel\\_cinta\\_pts\\_kesucian\\_is\\_in\\_kebernodaan\\_is\\_out/](http://universitipts.com/index.php/tema_novel_novel_cinta_pts_kesucian_is_in_kebernodaan_is_out/).
- Ainon Mohd. (2008). "Novel Islami 'Salju Sakinah' terjual lebih 10,000 unit". *Universiti terbuka PTS*, 17 November. Retrieved on 9 June 2018 from [http://universitipts.com/index.php/novel\\_islami\\_salju\\_sakinah\\_sudah\\_terjual\\_10000\\_unit/](http://universitipts.com/index.php/novel_islami_salju_sakinah_sudah_terjual_10000_unit/).
- Ainon Mohd. (2008). "Sabtu 17 Mei kursus menulis novel menggunakan teknik Surah Yusuf". *Universiti terbuka PTS*, 10 Mei. Retrieved on 9 June 2018 from [http://universitipts.com/index.php/kursus\\_menulis\\_novel\\_menggunakan\\_teknik\\_surah\\_yusuf/](http://universitipts.com/index.php/kursus_menulis_novel_menggunakan_teknik_surah_yusuf/).
- Ainon Mohd. (2009). "AHAD 18 oktober 2009: bengkel penulisan novel menggunakan teknik surah Yusuf". *Universiti terbuka PTS*, 26 September. Dipetik dari Retrieved on 9 June 2018 from [http://universitipts.com/index.php/site/comments/bengkel\\_p/](http://universitipts.com/index.php/site/comments/bengkel_p/).
- Ainon Mohd. (2010). "Berjuang menjadi budak besar dalam sektor novel cinta Islami". *Universiti terbuka PTS*, 1 Februari. Retrieved on 9 June 2018 from [http://universitipts.com/index.php/berjuang\\_menjadi\\_budak\\_besar\\_dalam\\_sektor\\_novel\\_cinta\\_islami/](http://universitipts.com/index.php/berjuang_menjadi_budak_besar_dalam_sektor_novel_cinta_islami/).
- Ainon Mohd. (2010). "Genre novel Islami mula diberikan rak khas". *Universiti terbuka PTS*, 11 Januari. Retrieved on 9 June 2018 from [http://universitipts.com/index.php/site/comments/genre\\_novel\\_islami\\_mula\\_diberikan\\_rak\\_khas/](http://universitipts.com/index.php/site/comments/genre_novel_islami_mula_diberikan_rak_khas/).

Ainon Mohd. (2010). "Nota-nota teori dan Teknik Surah Yusuf akan dibuku". *Universiti terbuka PTS*, 19 Jun. Retrieved on 9 June 2018 from [http://universitipts.com/index.php/nota-nota\\_teori\\_dan\\_teknik\\_surah\\_yusuf\\_akan\\_bukukan/](http://universitipts.com/index.php/nota-nota_teori_dan_teknik_surah_yusuf_akan_bukukan/).

Ainon Mohd. (2010). "Teori positioning dan repositioning: imej baru novel-novel cinta islami PTS". *Universiti terbuka PTS*, 2 Oktober. Retrieved on 9 June 2018 from [http://universitipts.com/index.php/imej\\_baru\\_novel-novel\\_cinta\\_islami\\_pts/](http://universitipts.com/index.php/imej_baru_novel-novel_cinta_islami_pts/).

Ainon Mohd. (2010). "Trend jualan novel-novel cinta Islami dari Indonesia adalah lebih bagus". *Universiti terbuka PTS*, 23 Ogos. Retrieved on 9 June 2018 from [http://universitipts.com/index.php/site/comments/trend\\_jualan\\_novel-novel\\_islami\\_dari\\_indonesia\\_adalah\\_lebih\\_bagus/](http://universitipts.com/index.php/site/comments/trend_jualan_novel-novel_islami_dari_indonesia_adalah_lebih_bagus/) pada 9 Jun 2018.

Ainon Mohd. (2011). *Teknik surah yusuf: Panduan menulis novel*. Batu Caves: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

*Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2016). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ibn Kathir, Ismail bin Umar. (1998). *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Mohd. Affandi Hassan. (2011). "Teknik surah Yusuf mengalahkan gagasan persuratan baru: catatan kecil untuk para penulis komentar yang murah hati menulis komentar mereka". *Gagasan persuratan baru*. Retrieved on 9 June 2018 from <http://pbaru.blogspot.com/2011/12/teknik-surah-yusuf-mengalahkan-gagasan.html>.

Mohd. Zariat Abdul Rani (2012). "Islam, romance and popular taste in Indonesia: a textual analysis *Ayat-ayat Cinta* by Habiburrahman El-Shirazy and *Syahadat Cinta* by Taufiqurrahman Al-Azizy". *Indonesia and the Malay world*, Vol. 40, No. 116 (Mac): 59-73.

- Mohd. Zariat Abdul Rani. (2013). "Materialisme, Islam dan nilai kesasteraan: Satu penelitian terhadap novel-novel popular Islami terbitan PTS Sdn. Bhd. berdasarkan Persuratan Baru". *E-utama* (Jurnal elektronik jabatan bahasa dan kebudayaan Melayu, National Institute of Education, Nanyang Technological University, Singapore), Special edition: language, culture and literacy. Volume 4. Retrieved on 4 Mei 2019 from <http://mlc.alc.nie.edu.sg/vol4.html>.
- Mohd. Zariat Abdul Rani. (2014). "The conflict of love and Islam: The main ingredients in the popular Islamic novels of Malaysia". *South East Asia research*. Vol. 22, No.3 (September): 417-433.
- PTS Sdn. Bhd. (2009). "Visi, misi dan dasar-dasar korporat PTS". *PTS media group*. Retrieved on 9 June 2018 from <https://pts.com.my/berita/visi-misi-dan-dasar-dasar-korporat-pts1/>.
- Zahiruddin Zabidi. (2011). *Nian hati Salsabila*. Batu Caves: PTS Litera Utama Sdn. Bhd.